

**SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI PERUNTUKAN  
BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN (PBKP)**

<b>S1</b>	<b>Apakah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan (PBKP)?</b>
	PBKP yang berkuatkuasa pada tahun 2001 adalah disasarkan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi tujuan melaksanakan program-program KPWKM yang berteraskan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi.
<b>S2</b>	<b>Siapakah yang layak memohon PBKP ini?</b>
	Semua NGO yang berdaftar dengan Akta Pertubuhan 1966.
<b>S3</b>	<b>Agensi manakah yang terlibat?</b>
	Permohonan boleh dikemukakan kepada agensi di bawah KPWKM yang terlibat iaitu:- <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)</li> <li>○ Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan</li> <li>○ Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN)</li> </ul>
<b>S4</b>	<b>Siapakah kumpulan sasar yang akan menyertai program-program anjuran NGO yang menerima PBKP?</b>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pembangunan Wanita (JPW) <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kumpulan sasar JPW</li> <li>○ B40, M40 dan T20</li> <li>○ Usahawan Wanita</li> <li>○ Pelajar Sekolah/Universiti</li> </ul> </li>   <li>2) Program Kesejahteraan Keluarga (LPPKN) <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Lelaki dan Perempuan</li> <li>○ Pasangan Suami Isteri</li> <li>○ Remaja</li> <li>○ Keluarga</li> </ul> </li> </ol>

	<p>3) Program Pembangunan Masyarakat (JKM)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kanak-kanak</li> <li>○ Warga Emas</li> <li>○ OKU</li> <li>○ Papa Kedana</li> <li>○ Mangsa Bencana</li> <li>○ Pertubuhan Sukarela Kebajikan</li> </ul>
<b>S5</b>	<b>Apakah contoh program yang NGO boleh laksanakan?</b>
	<p>1) Bidang Keutamaan Bagi Program Pembangunan Wanita</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Latihan dan peningkatan kemahiran</li> <li>○ Peningkatan kapasiti wanita</li> <li>○ Literasi Undang-undang</li> <li>○ Pengurusan Emosi</li> <li>○ Menangani keganasan terhadap wanita</li> <li>○ Kepekaan gender</li> <li>○ Kepimpinan wanita</li> </ul> <p>2) Bidang Keutamaan Bagi Program Pembangunan Keluarga</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kekeluargaan</li> <li>○ Keibubapaan</li> <li>○ Kebapaan</li> <li>○ Persediaan perkahwinan</li> <li>○ Pemantapan perkahwinan</li> <li>○ Pembangunan remaja</li> <li>○ Kesihatan reproduktif</li> <li>○ Pencegahan HIV/AIDS</li> </ul> <p>3) Bidang Keutamaan Bagi Program Pembangunan Masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Perlindungan dan Pemulihan Kanak-Kanak</li> <li>○ Advokasi &amp; Literasi Akta-Akta Sosial &amp; Undang-Undang</li> <li>○ Perlindungan dan Pemulihan Orang Kurang Upaya (OKU)</li> <li>○ Pemulihan dan Kesejahteraan Warga Emas</li> <li>○ Pemulihan dan peningkatan Kapasiti Orang Papa dan Pengemis</li> <li>○ Kajian dan Latihan dalam Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat</li> <li>○ Pembangunan Kapasiti Komuniti &amp; Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Program-program sokongan kepada penghidap HIV/AIDS</li> </ul>
<b>S6</b>	<b>Bagaimanakah tatacara permohonan PBKP?</b>
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mengemukakan Kertas kerja dalam Bahasa Melayu</li> <li>2) Permohonan lengkap dan mengikut format</li> <li>3) Menepati bidang keutamaan dan kumpulan sasar</li> <li>4) Kemuka Permohonan SEBELUM program dilaksanakan</li> <li>5) Tatacara pemprosesan PBKP seperti di <b>Lampiran A</b>.</li> </ol>
<b>S7</b>	<b>Bagaimanakah pelaksanaan program?</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memaklumkan <b>TARIKH JADUAL (TENTATIF) PELAKSANAAN PROGRAM, TEMPAT DAN NAMA PROGRAM</b> berdasarkan Surat Perjanjian secara bertulis dalam <b>TEMPOH 30 HARI</b> selepas Surat Perjanjian ditandatangani</li> <li>○ Memaklumkan sebarang <b>PERUBAHAN ALAMAT ATAU MAKLUMAT TERKINI</b> Pertubuhan / Penerima Bantuan Khas</li> <li>○ <b>SENTIASA MEMATUHI TERMA-TERMA</b> dalam Surat Perjanjian dan Garis Panduan Pelaksanaan Program</li> <li>○ Tempoh pelaksanaan program adalah dalam tempoh <b>SETAHUN</b></li> <li>○ <b>PERMOHONAN SECARA BERTULIS</b> kepada Ketua Pengarah Agensi sekiranya Penerima Bantuan ingin: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) menukar program (Rujuk : Klausa Pindaan, Tambahan dan Perubahan Surat Perjanjian); dan</li> <li>b) melanjutkan tempoh pelaksanaan (3 bulan sebelum Surat Perjanjian TAMAT)</li> </ol> </li> </ul>

<b>S9</b>	<b>Siapakah pelulus permohonan NGO yang memohon</b>
	Permohonan NGO akan di bawa masuk dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bantuan Khas Perbendaharaan KPWKM untuk proses pemilihan. Proses pemilihan dibuat berdasarkan pengiraan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan
<b>S10</b>	<b>Bagaimanakah penyediaan Laporan Pelaksanaan Program PBKP</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Laporan Pelaksanaan Program dikemukakan DALAM TEMPOH 30 HARI SELEPAS PROGRAM berakhir</li> <li>○ PROGRAM SECARA BERSIRI/BERPERINGKAT, Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program dikemukakan MENGIKUT PERINGKAT, TAHAP ATAU STATUS BESERTA DOKUMEN SOKONGAN PERBELANJAAN dalam TEMPOH 30 HARI selepas program dilaksanakan</li> <li>○ Laporan dalam BAHASA MELAYU</li> <li>○ NGO yang menerima PBKP yang tidak mengemukakan LPP akan dianggap GAGAL melaksanakan program seperti dipersetujui dalam Surat Perjanjian</li> </ul>
<b>S11</b>	<b>Apakah tindakan sekiranya NGO melanggar SOP dan penetapan dalam Surat Perjanjian</b>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>○ Sekiranya pihak NGO melanggar syarat-syarat dan terma yang telah ditetapkan seperti yang terdapat di dalam Surat Perjanjian, Kementerian/ Agensi boleh mengambil tindakan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) menamatkan perjanjian dan menarik balik peruntukan; dan/atau</li> <li>ii) menyenaraihitamkan NGO yang bermasalah; dan/atau</li> <li>iii) tindakan perundangan dan/atau hapuskira mengikut keadaan kes.</li> </ul> </li> <li>○ Sebarang rayuan untuk tidak memulangkan Baki PBKP tidak akan dipertimbangkan. Baki PBKP yang tidak dipulangkan perlu dirujuk kepada urusetia.</li> </ul>

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:-

Ketua Pengarah,  
Jabatan Pembangunan Wanita  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
Tingkat 23-25, No. 55,  
Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya Wilayah Persekutuan  
Putrajaya  
(u.p.: Pengarah Bahagian Penilaian, Pemantauan dan Pengurusan  
Pengetahuan)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Tel : 03-8323 1620/1633

Faks : 03-8323 2035

## LAMPIRAN A



Rajah 1: Tatacara Pemprosesan PBKP